

06 OCT 1996

S46-Rentetan

RENTETAN PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN S46

Oleh: Ali Mamat

KOTA BAHARU, 6 Okt (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 mewarnai persada politik tanah air selama lapan tahun dan sepanjang tempoh itu ia melalui liku-liku perjalanan yang penuh ranjau dan duri.

Pada awal penubuhannya prestasi parti serpihan Umno itu kelihatan agak memberansangkan, terutama di negeri-negeri yang majoriti pengundinya Melayu. Bagaimanapun, keputusan pilihan raya umum 1995 menampakkan ia bukan sahaja semakin jauh daripada mencapai matlamat perjuangan, bahkan sokongan orang Melayu yang dulu begitu ghairah ditunjukkan kepadanya terus bertambah luntur kerana semakin ramai anggota S46 kembali ke pangkuan Umno.

Di samping itu, satu demi satu rakan kerjasamanya telah meninggalkannya, bermula dengan rakan-rakan gabungannya dalam Gagasan Rakyat termasuk DAP, PRM dan PBS.

Dan yang terbaru meninggalkan parti yang diterajui bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah itu ialah rakan gabungannya dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) - Pas, Berjasa dan Hamim - yang sejak 1990 berkongsi kuasa memerintah negeri Kelantan.

Dalam keadaan demikian, Tengku Razaleigh tidak mempunyai pilihan lain bagi meneruskan kesinambungan perjuangannya melainkan membubarkan parti itu dan membawa pengikut-pengikutnya kembali ke pangkuan Umno secara beramai-ramai.

Sehubungan itu, satu perhimpunan agung khas parti diadakan hari ini bagi mendapatkan mandat sekurang-kurangnya dua pertiga anggota sebelum parti itu boleh dibubar.

Berikut ialah rentetan sejarah kelahiran S46, permuafakatannya dengan parti-parti pembangkang, perpecahannya dengan Pas dan penganjuran Perhimpunan Penyatuan Melayu yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Khamis lepas. Perhimpunan yang disertai ribuan anggota Umno dan S46 itu dianggap sebagai pembuka tirai ke arah pembubaran S46:

\* 1987 -- Pada Perhimpunan Agung Umno tahun itu Tengku Razaleigh gagal dalam usahanya menewaskan Dr Mahathir dan seterusnya merebut jawatan presiden parti. Penyokong-penyokongnya tidak berpuas hati dengan kekalahan itu dan membawa kes berkenaan ke mahkamah dengan alasan kononnya ada di antara perwakilan yang mengundi pada pemilihan itu perwakilan haram.

\* 1988 -- Mahkamah Tinggi mengisytiharkan Umno sebuah pertubuhan yang tidak sah. Pendaftar Pertubuhan menolak permohonan kumpulan yang diketuai Tengku Razaleigh untuk menubuhkan Parti Umno Malaysia. Ia sebaliknya meluluskan pendaftaran parti Umno (Baru) yang diusahakan penyokong Dr Mahathir.

Kumpulan Tengku Razaleigh akhirnya berjaya mendaftar parti baru yang dinamakan Parti Semangat 46 (perkataan Melayu ditambah pada nama parti selepas perlembagaannya dipinda pada perhimpunan khas S46 10 Feb 1994). Tengku Razaleigh dilantik sebagai presiden parti itu, Datuk Rais Yatim timbalannya. Bekas tokoh Umno lama yang menyertai S46 termasuk Datuk Manan Othman, Datuk Harun Idris dan anaknya Mazlan, Tan Sri Osman Saat, Datuk Rahmah Othman dan Puan Marina Yusof.

\* 1989 -- S46 mengikat persefahaman dengan Pas, Berjasa dan Hamim menerusi APU dan DAP, PBS, PRM serta IPF menerusi Gagasan Rakyat.

Pendaftar Pertubuhan menolak permohonan untuk mendaftarkan APU sebagai sebuah gabungan parti-parti politik.

\* 1990 -- APU menyapu bersih 39 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 13

kerusi Parlimen di Kelantan pada pilihan raya umum. Bagaimanapun S46 hanya memenangi satu kerusi Parlimen dan dua kerusi negeri di Terengganu serta masing-masing satu kerusi negeri di Pahang dan Johor.

\* 1991 -- Ibrahim yang menang kerusi Parlimen Pasir Mas atas tiket S46 mempelopori gerakan meninggalkan S46 untuk kembali ke pangkuan Umno. (Tokoh-tokoh lain yang turut berbuat demikian selepas itu termasuk Harun, Mazlan, Radzi, Rahmah dan Marina).

\* 1995 -- Pada pilihan raya umum tahun itu APU masih mampu bertahan di Kelantan dengan memenangi 12 daripada 14 kerusi Parlimen dan 36 daripada 43 kerusi negeri. Bagaimanapun, pada pilihan raya itu DAP dan PBS bertindak keluar dari Gagasan Rakyat dan calon-calon S46 gagal memenangi sebarang kerusi di negeri-negeri lain.

\* Ogos 1995 -- Pilihan raya kecil Parlimen Gua Musang menampakkan titik mula kemerosotan pengaruh S46 apabila calonnya (Tengku Razaleigh sendiri) hanya menang dengan majoriti 4,746 undi berbanding 8,980 yang diperolehinya pada pilihan raya umum 25 April 1995.

Pilihan raya kecil itu juga menampakkan wujudnya kerenggangan kerjasama antara Pas dan S46 dengan Pas hampir tidak memainkan peranan langsung bagi membantu Tengku Razaleigh.

\* 2 Jan 1996 -- Keretakan hubungan PAS-S46 semakin ketara apabila enam anggota S46 memulaukan upacara mengangkat sumpah sebagai anggota Majlis Perbandaran Kota Baharu kerana tidak berupah hati dengan pembahagian kerusi.

\* 7 Feb 1996 -- Ketua Penerangan S46 Ahmad Shabery Chik berkata partinya sedia menyertai perayaan ulangtahun ke-50 Umno pada bulan Mei 1996.

\* 10 Feb 1996 -- TENGKU RAZALEIGH BERKATA BELIAU SEDIA MENIMBANG UNTUK MENYERTAI UMNO JIKA DIPELAWA DR MAHATHIR.

\* 24 April 1996 -- Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyid Am Pas Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat mengumumkan cadangan kerajaan negeri meminda Perlembagaan Negeri bagi menghadkan kuasa-kuasa Sultan dan mengelak campurtangan Istana dalam pentadbiran negeri. S46 segera membantah cadangan itu.

\* 26 April 1996 -- Dr Mahathir mengesahkan telah bertemu Tengku Razaleigh. Sebagai reaksi Nik Aziz berkata pertemuan bagi membincangkan kemasukan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno itu bererti S46 telah berkubur.

\* 8 Mei 1996 -- Dr Mahathir mengumumkan Tengku Razaleigh akan menyertai Umno, hasil pertemuan mereka kali kedua beberapa hari sebelum itu.

Tengku Razaleigh mengesahkan kenyataan Dr Mahathir itu dan berkata satu perhimpunan agung khas parti akan diadakan (hari ini) untuk mendapat persetujuan dua-pertiga anggota bagi pembubaran S46 sebelum penyertaan ke dalam Umno secara beramai-ramai.

\* 10 Mei 1996 -- Timbalan Presiden Pas Haji Abdul Hadi Awang menggesa S46 keluar dari APU dan meletakkan semua jawatan pentadbiran yang disandangnya di peringkat kerajaan negeri Kelantan.

14 Julai 1996 -- Jawatankuasa Agung Pas mengambil keputusan memutuskan semua bentuk kerjasama dengan S46.

Menyusuli keputusan itu, Nik Aziz melucutkan portfolio keempat-empat orang anggota Exco kerajaan negeri daripada S46 dan selepas itu satu demi satu anggota S46 yang dilantik menjadi anggota lembaga pelbagai agensi kerajaan negeri, jawatankuasa-jawatankuasa tertentu peringkat negeri dan daerah serta Majlis-majlis Daerah dan Perbandaran digugurkan. -- BERNAMA

AM RON